

TATACARA PERLUPUSAN HARTA MASJID

PENDAHULUAN

Kebiasaannya sesebuah masjid itu dibina atas usaha sumbangan umat Islam mahupun inisiatif pihak tertentu sama ada dengan cara mewakafkan tanah atau bangunan untuk tujuan yang berkenaan. Namun, terdapat beberapa faktor yang memerlukan sesebuah masjid itu dirobohkan manakala harta-harta yang berhubung kait dengannya dilupuskan. Justeru, garis panduan ini disediakan agar segala urusan yang berkaitan dengan hal ehwal pelupusan khasnya berkenaan masjid dapat dilaksanakan dengan betul seterusnya memelihara kepentingan wakaf terhadap semua umat Islam.

TATACARA PELUPUSAN

1. Segala jenis bahan-bahan yang masih boleh digunakan seperti al-Quran, kitab-kitab agama, pakaian solat untuk persalinan dan sebagainya perlulah diasingkan dan digunapakai semula tanpa perlu dilupuskan.
2. Jika terdapat bahan-bahan yang tidak diperlukan seperti karpet sembahyang, sejadah dan sebagainya hendaklah diberi kepada masjid yang berdekatan atau mana-mana masjid agar kesinambungan daripada manfaat berkenaan dapat diteruskan.
3. Sekiranya bahan-bahan berkenaan tidak diperlukan oleh mana-mana masjid maka hendaklah ia dijual manakala hasil daripada penjualan bahan-bahan berkenaan perlulah dimasukkan semula ke dalam tabung masjid untuk kemaslahatan masjid.

KESIMPULAN

Oleh itu, segala jenis bahan-bahan yang berkaitan dengan masjid perlulah dipelihara akan manfaatnya serta perlu mengikut tatacara dalam melupuskan harta-harta berkenaan. Hal ini kerana kebanyakan harta masjid yang diperoleh adalah melalui cara wakaf maka sewajarnya harta berkenaan perlu diuruskan dengan baik agar peranan wakaf untuk manfaat umat Islam dapat dikekalkan.